



YAHYA diberi penerangan oleh Dr.Saleem semasa melawat gerai pameran di majlis itu.

Yahya cadang tubuh j-kuasa pemantau sungai di Sabah

DE 07.12.2012 1

PUTATAN: Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Yahya Hussin mencadangkan supaya sebuah Jawatankuasa Pemantau Sungai, terutama Sungai Petagas di pinggiran bandaraya Kota Kinabalu ditubuhkan bagi menjaga dan memastikan sungai berkeadaan sentiasa berada keadaan baik.

Beliau berkata ini kerana terdapat pihak tidak bertanggungjawab yang membuang sampah dan sisa daripada bahan industri ke Sungai Petagas, menjadikan sungai itu tercemar.

"Apa yang terjadi sekarang ini ialah sungai seolah-olah menjadi tempat pembuangan sampah bukan sahaja oleh orang kampung tetapi juga dari pelbagai industri dan kilang.

"Kita mendapat maklumat kadang kala malam dan awal pagi mereka membawa lori buang sampah dan sisa-sisa daripada bahan industri ke sungai...ini menjadikan sungai tercemar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Penambahbaikan dan Pemuliharaan Udang Galah serta Program Kesedaran Masyarakat Setempat Terhadap Kepentingan Sungai Petagas, di Dewan Raya Kampung Petagas, dekat sini pada Khamis.

Yahya yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan Negeri berkata penubuhan jawatankuasa itu penting bagi

meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya masyarakat sekitar terhadap tanggungjawab mereka menjaga kebersihan sungai.

Sehubungan itu, beliau menyambut baik inisiatif Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang membantu dalam memperbaiki keadaan Sungai Petagas dan sungai lain di Sabah.

Yahya yang juga anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Petagas berkata kesedaran orang ramai terhadap penjagaan sungai masih rendah.

"Kita lihat keadaan sungai masih kotor misalnya tebing-tebing sungai masih terdapat sampah dan sisa-sisa buangan," katanya sambil berharap agar tiada perumahan dibina di tebing sungai bagi mengelak pencemaran sungai.

"Seharusnya tebing-tebing sungai di negeri ini dijaga dengan baik dan dijadikan tempat rekreasi atau satu tempat yang cantik untuk dikunjungi," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Yahya berkata daerah Putatan yang mempunyai penduduk mencecah lebih 50,000 orang kini berkembang pesat dan perkembangan ini turut mempengaruhi fungsi serta keadaan persekitaran Sungai Petagas. - Bernama